

## **KURSUS ASAS PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN**

### **PENGENALAN**

1. Kursus ini disarankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk menerapkan elemen asas pembudayaan keusahawanan kepada semua mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang sedang mengikuti program prasiswazah. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan di kalangan pelajar.
2. Asas Pembudayaan Keusahawanan adalah merupakan kursus wajib yang member pendedahan tentang pengajian keusahawanan dan kemahiran perniagaan. Kursus ini dilaksanakan dengan pembelajaran secara interaktif. Kursus ini merangkumi empat (4) modul, iaitu :
  - Modul 1 : Pemupukan Budaya Keusahawanan
  - Modul 2 : Peluang dan Rancangan Perniagaan
  - Modul 3 : Praktikum Keusahawanan
  - Modul 4 : Pembentangan Aktiviti Keusahawanan

### **RANGKA KURSUS**

<b>MODUL</b>	<b>TOPIK/AKTIVITI</b>	<b>Jam</b>
1	<b>Pemupukan Budaya Keusahawanan</b> 1.1 Konsep dan Pembangunan Keusahawanan 1.2 Analisis Kompetensi Keusahawanan Diri 1.3 Etika Keusahawanan 1.4 Kreativiti dan Inovasi dalam Perniagaan	8
2	<b>Peluang dan Rancangan Perniagaan</b> 2.1 Peluang Perniagaan 2.2 Kemahiran Memulakan Perniagaan 2.3 Merancang Perniagaan 2.4 Kemahiran Mengurus Projek Perniagaan	8
3	<b>Praktikum Keusahawanan</b> 3.1 Seminar/Forum Keusahawanan 3.2 Kerja Lapangan Perniagaan	20
4	<b>Pembentangan Aktiviti Keusahawanan</b>	6

## **MODUL 1 : PEMUPUKAN BUDAYA KEUSAHAWANAN**

1. Merangkumi empat (4) topik utama iaitu :

- Topik 1 : Konsep dan Pembangunan Keusahawanan
- Topik 2 : Analisis Kompetensi Keusahawanan Diri
- Topik 3 : Etika Keusahawanan
- Topik 4 : Kreativiti dan Inovasi dalam Perniagaan

Bertujuan untuk mendedahkan konsep asas keusahawanan kepada mahasiswa serta memberikan latihan untuk membolehkan mahasiswa mengenali diri dan sifat keusahawanan, di samping memberikan kesedaran tentang kepentingan etika, kreativiti dan inovasi dalam diri dan juga dalam perniagaan.

2. Pada akhir modul ini mahasiswa akan dapat :

- Menilai kepentingan bidang pengajian keusahawanan
- Menerangkan konsep usahawan dan keusahawanan
- Membangunkan tahap kompetensi keusahawanan diri
- Memahami etika keusahawanan dan budaya niaga

## **MODUL 2 : PELUANG DAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

1. Merangkumi empat (4) topik iaitu :

- Peluang Perniagaan
- Kemahiran Memulakan Perniagaan
- Merancang Perniagaan
- Kemahiran Mengurus Projek Perniagaan

Bertujuan untuk membuka minda mahasiswa mengenai peluang perniagaan semasa serta kaedah merancang dan mengurus dengan cekap dan berkesan sesuatu projek perniagaan. Penekanan modul adalah kepada penerapan asas kemahiran perniagaan sebelum mahasiswa melaksanakan projek perniagaan mereka sendiri.

2. Pada akhir modul ini, mahasiswa dapat :

- Merumuskan kemahiran pengurusan asas yang diperlukan untuk menjayakan perniagaan.
- Mengaplikasi teknik am pengurusan, pemasaran dan perakaunan dalam perniagaan
- Menganalisis maklumat ekonomi dan kewangan untuk kepentingan perniagaan

### **MODUL 3 : PRAKTIKUM KEUSAHAWANAN**

1. Modul ini mernagkumi dua (2) topik iaitu :

- Seminar/ Forum Keusahawanan
- Kerja Lapangan Perniagaan

#### **Seminar/Forum Keusahawanan**

Penganjuran seminar atau forum keusahawanan sekurang-kurangnya di peringkat Akademi/Fakulti/Pusat atau Universiti. Dalam program tersebut, tokoh usahawan atau agensi sokongan keusahawanan boleh diundang sebagai jurucakap, pembentangan kertas kerja atau anggota panel. Kaedah alternative dalam pengisian seminar adalah seperti berikut :

- **Forum.** Sesi ini memberikan peluang kepada mahasiswa mendapat penjelasan daripada beberapa agensi agensi atau usahawan secara serentak dalam satu masa. Mahasiswa diberi peluang untuk berosoal jawab sekiranya ingin mendapatkan lebih penjelasan atau memberikan pandangan pada akhir sesi ini.
- **Dialog.** Sesi ini memberikan ruang kepada mahasiswa untuk meneroka cirri-ciri keusahawanan seperti ketabahan, kecekalan dan falsafah yang dimiliki oleh tokoh usahawan dengan lebih mendalam. Mahasiswa diberi peluang untuk meneroka sifat dan ciri keusahawan yang dimiliki oleh tokoh yang terpilih. Tokoh perlu menjelaskan sifat-sifat utama dirinya seperti ketahanan,, ketabahan dan falsafah yang dimilikinya untuk mempertahankan pendiriannya bagi meneruskan penglibatan dalam dunia keusahawanan. Mahasiswa boleh mengenal pasti halangan atau cabaran yang dialami oleh usahawan yang diundang. Melalui sesi ini mahasiswa diberikan pendedahan tentang halangan serta cabaran yang kerap dihadapi oleh seorang usahawan. Mahasiswa turut diberikan panduan tentang cara-cara untuk menanganinya.
- **Perkongsian Pengalaman.** Program ini boleh dilaksanakan dengan mengadakan sesi perkongsian pengalaman oleh beberapa tokoh usahawan dalam satu masa. Sesi ini memberikan peluang kepada mahasiswa untuk berkongsi pengalaman dengan beberapa tokoh usahawan secara serentak dalam satu sesi.

**Kerja Lapangan Perniagaan.** Mahasiswa dikehendaki menjalakan aktiviti perniagaan di dalam kampus secara berkumpulan dalam tempoh yang ditetapkan. Perniagaan yang dijalankan mestilah berdasarkan rancangan projek perniagaan yang telah diluluskan oleh Panel Penasihat Akademik.

2. Pada akhir modul ini, mahasiswa dapat :

- Menyediakan satu laporan bertulis tentang suatu aktiviti perniagaan
- Mengorganisasikan atau melaksanakan suatu projek atau aktiviti perniagaan dari mula hingga akhir dalam satu-satu tempoh
- Menghayati penat lelah, suka duka dan pahit maung bekerja sendiri
- Mempamerkan ciri kepimpinan dan keusahawanan dalam diri

#### **MODUL 4 : PEMBENTANGAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN**

Modul 4 merangkumi pembentangan aktiviti perniagaan yang dilaksanakan dalam Modul 3 kepada panel penilai yang dilantik. Tempoh setiap pembentangan tidak lebih satu jam dan tidak kurang 30 minit, dan soal jawab diadakan pada akhir sesi pembentangan. Soalan hendaklah ditujukan kepada semua anggota kumpulan dan tempoh sesi soal jawab tidak melebihi 30 minit. Pada akhir modul, mahasiswa akan dapat :

- Membuat suatu pembentangan tentang aktiviti perniagaan dengan menggunakan alat pandang dengar yang sesuai
- Menunjukkan kemahiran berpidato dan berkomunikasi
- Membudayakan ciri keusahawanan dalam semua aspek kehidupan semasa dan akan datang

#### **BENTUK PENILAIAN**

<b>BIL</b>	<b>ASPEK PENILAIAN</b>	<b>PEMBERATAN (%)</b>
1	Kehadiran	10
2	Ujian	30
3	Tugasan Kumpulan	10
4	Laporan Praktikum	30
5	Pembentangan Praktikum	20
	<b>JUMLAH</b>	100